

Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam

[Implementing the 4T approach in Quranic verse analysis task: Implications for cognitive understanding, reflective engagement, and self-reflection among non-Islamic studies students]

Nik Nurul Akmal Ab Alim^{*1}, Nur Kamilah Kamaruddin¹, Khairussaadah Wahid¹

¹Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Selangor, Malaysia

* Corresponding author: niknurulakmal@uitm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/uij.758>

ABSTRAK

Pengajian al-Quran dalam konteks pendidikan formal tidak terhad kepada penguasaan bacaan semata-mata, tetapi turut menekankan kefahaman, penghayatan dan refleksi diri pelajar terhadap mesej al-Quran. Namun, pelaksanaan pengajian al-Quran dalam kalangan pelajar bukan pengajian Islam sering berhadapan cabaran akibat kepelbagaian latar belakang akademik dan pengalaman pembelajaran. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan penggunaan pendekatan 4T iaitu Tilawah, Terjemahan, Tafsir dan Tadabbur dalam tugas analisis ayat al-Quran terhadap kefahaman ayat, penghayatan mesej, refleksi diri, pembentukan nilai serta persepsi pelajar terhadap keberkesanan kaedah ini sebagai pendekatan pedagogi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan yang melibatkan 230 orang pelajar bukan pengajian Islam di peringkat Asasi yang mengikuti kursus umum (CTU) di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Data dikumpul melalui soal selidik berstruktur menggunakan skala Likert lima mata dan dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan 4T memberi kesan positif terhadap semua konstruk yang diukur, dengan kesemuanya mencatatkan nilai min pada tahap tinggi ($M > 3.67$). Nilai purata min bagi setiap konstruk adalah 4.71 bagi kefahaman ayat al-Quran, 4.71 bagi penghayatan ayat atau tadabbur, 4.71 untuk konstruk refleksi diri dan pembentukan nilai dan 4.55 untuk konstruk keberkesanan kaedah 4T sebagai pendekatan pedagogi. Selain itu, majoriti pelajar menilai kaedah 4T sebagai sistematik, bermakna dan sesuai untuk diterapkan dalam pengajaran al-Quran bagi kursus CTU. Kajian ini mencadangkan pendekatan 4T sebagai satu amalan pedagogi al-Quran yang berkesan dan inklusif dalam konteks pendidikan tinggi.

Kata kunci: Pendekatan 4T, pengajian al-Quran, pelajar bukan Pengajian Islam, tadabbur, pembangunan nilai

ABSTRACT

Quranic studies in formal educational contexts are not limited to the mastery of recitation skills alone, but also emphasise students' understanding, internalisation, and self-reflection on the messages of the Quran. However, the implementation of Quranic learning among non-Islamic studies students often faces challenges due to the diversity of academic backgrounds and prior learning experiences. This study aims to examine the

Manuscript Received Date: 14/01/26

Manuscript Acceptance Date: 05/03/26

Manuscript Published Date: 07/04/26

©The Author(s) (2024). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my



Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam

effectiveness of the 4T approach, namely *Tilawah*, Translation, *Tafsir*, and *Tadabbur*, implemented through a Quranic verse analysis task in enhancing students' understanding of Quranic verses, internalisation of meaning, self-reflection, value development, as well as their perceptions of the approach as a pedagogical framework. The study employed a quantitative survey design involving 230 foundation-level non-Islamic studies students enrolled in elective courses (CTU) at Universiti Teknologi MARA (UiTM). Data were collected using a structured questionnaire with a five-point Likert scale and analysed descriptively. The findings indicate that the 4T approach has a positive effect on all measured constructs, with all constructs recording high mean scores ($M > 3.67$). The average mean scores for each construct were 4.71 for Quranic verse understanding, 4.71 for verse internalisation or *tadabbur*, 4.71 for self-reflection and values development, and 4.55 for the effectiveness of the 4T approach as a pedagogical framework. In addition, the majority of students perceived the 4T approach as systematic, meaningful, and suitable for implementation in Quranic teaching and learning within CTU courses. This study proposes the 4T approach as an effective and inclusive Quranic pedagogical practice in the context of higher education.

Keywords: 4T approach, Quranic studies, non-Islamic studies students, *tadabbur*, value development

1.0 PENDAHULUAN

Tadabbur al-Quran merupakan salah satu matlamat utama dalam pendidikan Islam kerana al-Quran tidak diturunkan semata-mata untuk dibaca atau dihafaz, tetapi untuk difahami, direnungi dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Al-Quran sendiri menegaskan kepentingan tadabbur sebagai proses memahami mesej wahyu secara mendalam dan berfikir tentang implikasinya terhadap kehidupan manusia. Firman Allah SWT:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَقْفَالُهَآ (٢٤)

Maksudnya: “(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?” (Surah Muhammad 47: 24)

Dalam konteks pendidikan, tadabbur berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan kefahaman kognitif terhadap teks al-Quran dengan penghayatan nilai dan pembentukan akhlak (Sakinah Abdul Mokti & Mohd Nizam Sahad, 2024). Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penghayatan ayat al-Quran melalui tadabbur berupaya meningkatkan kesedaran rohani, keimanan dan motivasi untuk mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian (Zakaria et al., 2024).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan tadabbur al-Quran dalam konteks pendidikan formal sering berhadapan dengan pelbagai cabaran, terutamanya dalam kalangan pelajar yang tidak berlatarbelakangkan pengajian Islam. Kajian mendapati bahawa pendekatan pembelajaran al-Quran yang bersifat tradisional dan berorientasikan hafazan serta kelancaran bacaan masih dominan, manakala aspek pemahaman makna dan penghayatan ayat kurang diberikan penekanan (Mohamad Shokri & Salihan, 2023). Selain itu, kekangan masa, motivasi yang terhad serta kurangnya bimbingan pedagogi yang sistematik turut dikenal pasti sebagai faktor yang menghalang pelajar daripada mengamalkan tadabbur al-Quran secara berkesan (Zakaria et al., 2024). Bahkan, dalam kalangan pelajar aliran agama sendiri, tahap pengetahuan dan aplikasi tadabbur dilaporkan berada pada tahap sederhana, menunjukkan bahawa tadabbur masih belum benar-benar diintegrasikan secara menyeluruh dalam proses pembelajaran (Sakinah Abdul Mokti & Mohd Nizam Sahad, 2024).

Dalam konteks pelajar bukan pengajian Islam di institusi pengajian tinggi, cabaran ini menjadi lebih ketara kerana pelajar lazimnya berhadapan dengan kekangan penguasaan bahasa Arab dan pengalaman terhad dalam pengajian al-Quran. Oleh itu, pendekatan pedagogi yang bersifat inklusif, berperingkat dan kontekstual amat diperlukan bagi membantu pelajar memahami dan menghayati ayat al-Quran secara bermakna. Sehubungan itu, pendekatan 4T, iaitu *Tilawah*, *Terjemahan*, *Tafsir* dan *Tadabbur*, diperkenalkan dalam tugas analisis ayat al-Quran bagi kursus umum (CTU) di Pusat Asasi UiTM untuk membantu pelajar menghayati mesej al-Quran dengan lebih bermakna. Pendekatan 4T merujuk kepada empat langkah utama dalam menganalisis ayat al-Quran, iaitu *Tilawah* (membaca ayat dengan tartil), *Terjemahan* (memahami makna zahir ayat melalui terjemahan), *Tafsir* (merujuk huraian ulama tafsir untuk penjelasan mendalam konteks dan maksud ayat) dan *Tadabbur* (merenungi pengajaran ayat serta mengaitkannya dengan diri dan situasi semasa).

Pendekatan sistematik ini selaras dengan prinsip pembelajaran kontekstual yang menekankan perkaitan isi kandungan al-Quran dengan kehidupan nyata pelajar. Setiap komponen 4T dirangka bagi menjawab keperluan pelajar bukan pengajian Islam iaitu; Tilawah dan Terjemahan membantu mereka mengenal pasti teks dan makna asas ayat, Tafsir memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan autentik bersumberkan disiplin ilmu al-Quran, manakala Tadabbur membuka ruang untuk refleksi peribadi dan aplikasi nilai-nilai al-Quran dalam kehidupan seharian. Pendekatan berstruktur ini bertepatan dengan saranan agar setiap individu mukmin, tanpa mengira latar belakang pengajian, berusaha mendalami hikmah dan pengajaran daripada ayat-ayat Allah SWT. Melalui kaedah 4T ini, proses pembelajaran al-Quran dijangka menjadi lebih interaktif dan bermakna, sekali gus mampu merangsang minat pelajar terhadap penghayatan al-Quran dengan lebih mendalam. Pendekatan berperingkat ini selari dengan cadangan sarjana yang menekankan keperluan membangunkan model pembelajaran al-Quran yang berfokuskan kefahaman, penghayatan dan aplikasi nilai secara menyeluruh (Mohamad Shokri & Salihan, 2023).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai secara empirikal implikasi penggunaan pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam terhadap ayat al-Quran, serta menilai persepsi pelajar terhadap keberkesanan kaedah ini sebagai pendekatan pedagogi dalam konteks pendidikan al-Quran bagi pelajar bukan Pengajian Islam.

2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 Cabaran dalam memahami makna ayat al-Quran dalam kalangan pelajar

Sorotan kajian menunjukkan bahawa kekangan kefahaman ayat dan makna al-Quran dalam kalangan pelajar berpunca daripada gabungan faktor linguistik, pedagogi dan pengalaman pembelajaran. Dari sudut linguistik, kelemahan penguasaan bahasa Arab dikenal pasti sebagai antara halangan utama kepada kefahaman ayat al-Quran secara mendalam. Bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran mempunyai ciri balaghah, gaya bahasa kinayah dan struktur sintaksis yang kompleks, menyebabkan pelajar sukar memahami maksud sebenar ayat sekiranya hanya bergantung kepada terjemahan literal (Asy'ari, 2018; Abdullah et al., 2023). Kajian ke atas pelajar dan orang awam turut menunjukkan bahawa terjemahan al-Quran sering tidak mencukupi untuk menjelaskan makna tersirat dan konteks ayat, sekali gus menghadkan kefahaman menyeluruh terhadap mesej wahyu (Abdullah et al., 2023).

Kekangan ini menjadi lebih ketara dalam kalangan pelajar bukan pengajian Islam dan masyarakat awam yang tidak menerima latihan formal dalam bahasa Arab dan tafsir al-Quran. Kajian kes pengajian al-Quran untuk orang awam di CELPAD, UIAM mendapati bahawa walaupun kelas tilawah dan bahasa Arab berjaya meningkatkan kesedaran agama, masih wujud keperluan mendesak untuk penambahbaikan silibus yang memberi penekanan lebih jelas terhadap pemahaman makna dan nilai ayat al-Quran secara kontekstual (Amir, 2022). Dapatan ini menunjukkan bahawa kefahaman al-Quran tidak boleh dicapai melalui penguasaan bacaan semata-mata, sebaliknya memerlukan pendekatan pedagogi yang lebih menyeluruh dan berfasa.

Selain faktor bahasa, pendekatan pedagogi yang terlalu berorientasikan bacaan dan hafazan turut menyumbang kepada kekangan kefahaman. Beberapa kajian dalam konteks pengajian tahfiz mendapati bahawa pelajar cenderung menumpukan hafazan al-Quran tanpa memahami makna ayat yang dihafaz, disebabkan tekanan silibus dan kekangan masa pembelajaran (Zakaria et al., 2024). Walaupun pelajar mampu membaca dan menghafaz dengan baik, penguasaan makna dan konteks ayat kekal pada tahap sederhana, sekali gus menghadkan proses tadabbur. Fenomena ini turut dilaporkan dalam kajian persepsi dan aplikasi tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz, yang menunjukkan tahap pengetahuan dan pengamalan tadabbur masih belum mencapai tahap optimum (Sakinah Abdul Mokti & Mohd Nizam Sahad, 2024).

Dari perspektif pengalaman pembelajaran, kekangan kefahaman turut dipengaruhi oleh kurangnya bimbingan pedagogi yang sistematik serta motivasi intrinsik pelajar. Kajian terhadap pelaksanaan program tadabbur al-Quran di institusi pendidikan menunjukkan bahawa pelajar memerlukan panduan berperingkat untuk mengaitkan ayat al-Quran dengan realiti kehidupan, sekiranya tidak, tadabbur akan kekal sebagai konsep abstrak yang sukar diaplikasikan (Aulia et al., 2024). Dalam konteks masyarakat minoriti Islam, seperti pengajian al-Quran di Pusat Dakwah Jepun, kekangan bahasa dan latar budaya menjadikan pemahaman ayat al-Quran lebih mencabar, namun pendekatan berperingkat melalui gabungan bacaan asas, tafsir dan tadabbur didapati membantu meningkatkan kefahaman peserta secara signifikan (Mohd Akib & Muhamad Alihanafiah, 2025).

Seiring dengan perkembangan pendidikan kontemporari, beberapa kajian mencadangkan penggunaan

Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam

teknologi sebagai medium sokongan untuk mengatasi kekangan kefahaman ayat al-Quran. Kajian keperluan terhadap penggunaan realiti terimbuhan dan teknologi digital menunjukkan potensi besar dalam membantu pelajar memahami kosa kata Arab al-Quran dan makna ayat secara visual dan interaktif, khususnya bagi golongan dewasa dan pelajar dengan keperluan khas (Ahmad Yusoff et al., 2025). Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi tanpa kerangka pedagogi yang jelas berisiko menjadikan pembelajaran bersifat teknikal semata-mata tanpa penghayatan makna.

Secara keseluruhan, sorotan kajian menunjukkan bahawa kekangan kefahaman dan makna ayat al-Quran dalam kalangan pelajar berpunca daripada kelemahan penguasaan bahasa Arab, pendekatan pedagogi yang terlalu berfokus kepada bacaan dan hafazan, serta pengalaman pembelajaran yang kurang berstruktur dan kurang berorientasikan penghayatan. Kekangan-kekangan ini bukan sahaja mengehadkan pemahaman makna ayat secara tepat, malah menghalang pelajar daripada melibatkan diri dalam proses tadabbur, refleksi diri dan pembentukan nilai yang menjadi matlamat utama pendidikan al-Quran. Justeru, keperluan terhadap satu pendekatan pedagogi yang berperingkat, sistematik dan kontekstual menjadi semakin mendesak bagi membantu pelajar berinteraksi dengan ayat al-Quran secara bermakna. Keperluan inilah yang menjadi asas kepada pemilihan pendekatan 4T dalam kajian ini sebagai kerangka metodologi bagi menilai keberkesanan kaedah ini melalui tugas analisis ayat al-Quran dalam meningkatkan kefahaman, refleksi diri dan pembentukan nilai pelajar bukan pengajian Islam.

2.2 Pendekatan berperingkat dan model tadabbur kontemporari dalam pengajaran al-Quran

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa model tadabbur kontemporari semakin bergerak ke arah pendekatan yang lebih berstruktur, berfasa dan disokong teknologi bagi memperkukuh kefahaman serta penghayatan ayat al-Quran. Sebagai contoh, analisis keperluan oleh Ahmad Yusoff et al. (2025) menonjolkan keperluan khusus pembangunan model tadabbur melalui pembelajaran kosa kata Arab *Juzu' 'Amma* berbantuan realiti terimbuhan (AR), khusus untuk orang dewasa peka Muslim yang didapati kurang menguasai kosa kata asas serta belum terdedah kepada penggunaan AR. Dapatan mereka turut menunjukkan persetujuan majoriti responden untuk mempelajari kosa kata berkaitan ciptaan dan fenomena alam melalui sokongan visual 3D, animasi, ejaan jari dan video bahasa isyarat, sekali gus mengisytiharkan potensi pendekatan kontemporari yang lebih inklusif dan berperingkat dalam memahami makna al-Quran. Namun, fokus kajian ini lebih tertumpu kepada keperluan model dan belum menghuraikan bentuk pengajaran tadabbur yang lengkap untuk diaplikasikan sebagai rutin bilik darjah secara menyeluruh.

Dalam aspek pembelajaran sendiri, Azman et al. (2023) pula membangunkan aplikasi tadabbur al-Quran bernama *Self-Tadabbur* berasaskan Model SALaM (*Structure-Assisted Learning Model*) yang menekankan struktur kandungan yang logik dan teratur, serta dilaporkan berguna, mudah digunakan dan meningkatkan pengalaman pembelajaran interaktif. Pendekatan ini memperlihatkan kelebihan model kontemporari yang menyusun tadabbur secara berstruktur agar pengguna dapat memahami ayat al-Quran secara sendiri. Walau bagaimanapun, pembangunan aplikasi sahaja belum semestinya menyelesaikan persoalan pemindahan strategi ini ke dalam ekosistem pengajaran formal yang memerlukan urutan langkah, pemantauan, dan penilaian pembelajaran yang konsisten.

Bagi pendekatan berperingkat yang lebih bermula daripada asas bacaan, kajian tindakan Fajar dan Abu (2025) menunjukkan bahawa penggabungan tilawah dan tadabbur secara terintegrasi mampu meningkatkan ketepatan bacaan (tajwid dan *makharijul* huruf) serta pemahaman makna ayat, di samping membina rutin membaca dan menumbuhkan kecintaan terhadap al-Quran. Dapatan mereka turut menegaskan bahawa tadabbur membantu peserta mengaitkan ayat dengan konteks kehidupan seharian sehingga nilai moral dan pemikiran kritis dapat diterapkan. Walaupun hasil ini memperkukuh rasional pendekatan berperingkat iaitu kemahiran bacaan (tilawah), pemaknaan (tadabbur) dan penerapan nilai (akhlak), ia masih memerlukan kerangka yang lebih sistematik untuk dijadikan panduan pengajaran yang boleh dilaksanakan merentas konteks bilik darjah dan tahap pelajar.

Sorotan literatur oleh Zuhairy dan Zetty Nurzuliana (2025) pula menekankan bahawa walaupun kepentingan tadabbur sering dibincangkan, pelaksanaannya masih tidak sistematik dan belum menghasilkan modul berstruktur yang boleh digunakan oleh guru, kerana tumpuan kajian lebih banyak diberikan kepada bacaan, tajwid, tarannum dan hafazan berbanding proses memahami serta menghayati makna ayat melalui tadabbur. Dapatan ini menguatkan keperluan pembangunan modul tadabbur yang lebih holistik, komprehensif dan praktikal, termasuk sokongan teknologi digital, pengukuhan kerangka teori, reka bentuk pedagogi yang interaktif dan penilaian empirikal. Namun, jurang utama yang kekal ialah bagaimana pendekatan berperingkat

itu boleh diterjemahkan menjadi langkah pengajaran yang jelas, konsisten dan mudah diguna pakai oleh guru dalam realiti bilik darjah.

Dalam konteks pelajar tahfiz, kajian Rohana et al. (2022) bertajuk Penerapan Elemen Tadabbur Al-Quran di Kalangan Pelajar Tahfiz Darul Quran JAKIM menunjukkan elemen tilawah yang menekankan bacaan bertartil, amalan melihat mushaf, tadarus serta penguasaan tajwid dan intonasi yang betul bukan sahaja meningkatkan kualiti bacaan, malah menyumbang kepada ketenangan yang memudahkan penghayatan. Manakala elemen terjemahan dimanfaatkan bagi menyokong hafazan dan pemahaman asas makna ayat. Pada dimensi tafsir, pelajar didapati merujuk guru tafsir serta sumber sokongan seperti sirah dan asbab al-nuzul bagi memperkaya konteks makna, di samping perbincangan kajian menegaskan penguasaan bahasa Arab sebagai kelebihan yang mempertingkatkan proses tadabbur. Seterusnya, aspek tadabbur diterjemahkan melalui kecenderungan pelajar mengaitkan ayat dengan kefahaman dan penghayatan selain kemampuan berkongsi pengajaran ayat dengan rakan. Walau bagaimanapun, kerangka pelaksanaan elemen-elemen ini didapati lebih berfokus pada konteks pelajar tahfiz yang mempunyai latar pembelajaran al-Quran yang intensif, sekali gus mewujudkan kelompangan dari segi pemindahan pendekatan berperingkat ini kepada kelompok pelajar bukan Pengajian Islam yang lazimnya tidak memiliki asas tajwid, bahasa Arab atau tradisi rujukan tafsir yang mantap. Selain itu, kajian sedia ada juga lebih menekankan tahap amalan dan persepsi elemen tadabbur, namun kurang menghuraikan secara terperinci bagaimana susunan proses tadabbur dapat diformulasikan sebagai strategi pengajaran yang sistematik untuk meningkatkan kefahaman, tadabbur dan refleksi diri dalam tugas analisis ayat al-Quran bagi pelajar bukan bidang Islam.

Pada peringkat institusi dan pedagogi, Mariam et al. (2025) menegaskan bahawa tadabbur berstruktur memberi kesan langsung terhadap kualiti hafazan, kefahaman dan pembinaan sahsiah, serta mengangkat keperluan beralih daripada hafazan semata-mata kepada model tadabbur yang disusun dan bertahap. Kajian ini mencadangkan pendekatan berperingkat dalam pelaksanaan tadabbur merangkumi perkara berikut iaitu memahami ayat, merenung implikasi nilai, dan merancang amalan. Ia juga menyatakan lima model pendekatan pendidikan tahfiz yang dijadikan model perbandingan tradisional-modern untuk menilai integrasi tadabbur iaitu: Model Al-Qabisi, Model Al-Ansari, Model Konstruktivisme, Model Ulul Albab, dan Model Huffaz Profesional. Ia merumuskan gabungan kekuatan model-model tersebut dalam satu kerangka integratif yang dinamakan "Model Transformasi Huffaz", yang mengalihkan fokus daripada hafazan semata-mata kepada pendekatan reflektif berasaskan makna, serta menekankan tadabbur sebagai amalan kurikulum. Meskipun dicadangkan pendekatan berperingkat dan elemen seperti ketepatan bacaan, kefahaman makna dan bukti amalan, ruang kajian masih wujud untuk membangunkan serta menguji rangka pelaksanaan yang benar-benar sesuai dalam pengajaran al-Quran berperingkat.

Selari dengan keperluan tersebut, Muhammad Hizba Aulia et al. (2025) mengemukakan model tadabbur Qurani yang berperingkat melalui lima fasa iaitu *sima'ah*/tilawah, *tafhim*, *tazawwuq*, *tasdiq* dan *tajawwub* yang menghubungkan kefahaman ayat kepada penghayatan dan tindakan, di samping menggariskan cabaran praktikal seperti kekangan masa, kompetensi guru, bias interpretasi dan kesukaran penilaian. Walau bagaimanapun, model ini masih bersifat konseptual dan belum diterjemahkan kepada modul pengajaran al-Quran yang standard untuk pelaksanaan bilik darjah, termasuk sintaks Rancangan Pengajaran Harian (RPH), aktiviti kelas dan instrumen pentaksiran yang jelas bagi menguji keberkesanan. Berdasarkan jurang keseluruhan ini, wujud keperluan untuk meneliti pendekatan berperingkat yang menggabungkan elemen asas bacaan (tilawah), pembinaan makna (terjemahan dan tafsir), serta pemeraksanaan refleksi dan amalan (tadabbur) agar model tadabbur kontemporari dapat diinstitusikan secara sistematik dalam pengajaran al-Quran terutama dalam kalangan pelajar bukan pengajian Islam.

2.3 Tadabbur al-Quran sebagai mekanisme refleksi diri dan pembentukan nilai

Amalan tadabbur al-Quran semakin diiktiraf sebagai pendekatan penting dalam pendidikan dan pembinaan spiritual Islam kerana peranannya yang melangkaui pembacaan dan hafazan teks semata-mata. Literatur semasa menunjukkan bahawa tadabbur berfungsi sebagai mekanisme refleksi sendiri yang menghubungkan pemahaman wahyu dengan kesedaran diri, seterusnya mempengaruhi pembentukan nilai dan tingkah laku individu Muslim. Dalam konteks ini, tadabbur dilihat sebagai proses transformasi dalaman yang melibatkan integrasi dimensi kognitif, emosi dan spiritual secara bersepadu (Ismail, 2022; Sakinah Abdul Mokti & Mohd Nizam Sahad, 2024). Dari sudut konseptual, tadabbur merujuk kepada proses merenung dan meneliti ayat-ayat al-Quran secara mendalam dengan tujuan mengambil pengajaran dan mengaitkannya dengan realiti kehidupan. Huraian ulama tafsir dan tokoh tasawuf menegaskan bahawa tadabbur menuntut keterlibatan hati dan akal, bukan sekadar kefahaman literal atau hukum. Pemikiran Sidi Zarruq, misalnya, menekankan bahawa tadabbur yang berkesan memerlukan asas ilmu, keterbukaan kefahaman dan keupayaan menilai implikasi ayat

Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam

al-Quran terhadap kehidupan zahir dan batin manusia (Ismail, 2022).

Aspek refleksi diri melalui tadabbur turut diketengahkan dalam kajian tafsir tematik dan tafakkur spiritual, yang menunjukkan bahawa al-Quran secara konsisten mengajak manusia menilai niat, tindakan dan arah kehidupan mereka. Tadabbur membantu membentuk kesedaran spiritual yang lebih stabil serta menyumbang kepada pembinaan nilai dalaman seperti keinsafan, tanggungjawab moral dan ketundukan kepada Allah. Proses ini menjadikan tadabbur sebagai asas penting dalam pembangunan kesedaran etika dan rohani individu (Haromain & Hakim, 2024). Dalam konteks pendidikan Islam, kajian empirikal menunjukkan bahawa amalan tadabbur memberi kesan positif terhadap pembentukan sahsiah dan keperibadian pelajar, khususnya dalam kalangan pelajar aliran tahfiz. Walaupun tahap pengetahuan dan persepsi terhadap tadabbur berada pada tahap yang tinggi, dapatan kajian menunjukkan bahawa penghayatan dan aplikasi tadabbur dalam kehidupan seharian merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan nilai dan akhlak pelajar (Sakinah Abdul Mokti & Mohd Nizam Sahad, 2024). Hal ini menunjukkan bahawa tadabbur berperanan sebagai penghubung antara ilmu al-Quran dan pengamalan nilai.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa tadabbur al-Quran berfungsi sebagai mekanisme refleksi diri yang signifikan dalam pendidikan Islam, khususnya dalam menghubungkan pemahaman wahyu dengan kesedaran sendiri, pembentukan nilai dan transformasi tingkah laku. Tadabbur bukan sekadar aktiviti kognitif, tetapi merupakan proses reflektif yang melibatkan integrasi dimensi intelektual, emosi dan spiritual secara bersepadu. Walaupun kajian-kajian terdahulu telah menegaskan kepentingan tadabbur dari sudut konseptual dan empirikal, dapatan turut menunjukkan bahawa keberkesanan tadabbur amat bergantung kepada tahap kefahaman awal terhadap makna dan konteks ayat, serta keupayaan pelajar mengaitkan mesej wahyu dengan realiti kehidupan. Namun demikian, kebanyakan kajian masih menumpukan perbincangan tadabbur secara umum dan deskriptif, tanpa menggariskan secara jelas kerangka pedagogi yang sistematik untuk membimbing proses refleksi diri pelajar secara berperingkat. Justeru, terdapat keperluan kepada satu pendekatan pedagogi yang berstruktur dan kontekstual, seperti pendekatan 4T yang mengintegrasikan tilawah, terjemahan, tafsir dan tadabbur, bagi memastikan proses tadabbur dapat dilaksanakan secara lebih bermakna, terarah dan berimpak tinggi dalam konteks pendidikan Islam kontemporari.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif yang bersifat tinjauan eksploratori bagi menilai persepsi dan keberkesanan pendekatan 4T (Tilawah, Terjemahan, Tafsir dan Tadabbur) dalam tugas analisis ayat al-Quran dalam kalangan pelajar bukan pengajian Islam. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian bertujuan meneroka kecenderungan awal dan pengalaman pembelajaran pelajar terhadap pendekatan pedagogi al-Quran yang diterapkan, dan tidak bertujuan untuk membangunkan, mengesahkan atau menguji instrumen psikometrik secara inferensi.

Responden kajian terdiri daripada 230 orang pelajar bukan pengajian Islam yang mengikuti kursus umum (CTU), melibatkan pelajar daripada Program Asasi Sains, Kejuruteraan dan TESL di Pusat Asasi UiTM. Daripada jumlah tersebut, 156 orang responden adalah perempuan manakala 74 orang responden adalah lelaki. Pemilihan responden dibuat secara rawak dan bertujuan, selaras dengan sifat kajian penerokaan yang memfokuskan kepada kumpulan sasaran yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan tugas analisis ayat al-Quran berasaskan pendekatan 4T.

Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik berstruktur yang dibangunkan berasaskan pendekatan 4T (Tilawah, Terjemahan, Tafsir dan Tadabbur). Soal selidik ini menggunakan skala Likert lima mata, iaitu daripada 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju), dan bertujuan untuk menilai persepsi pelajar terhadap empat konstruk utama kajian. Konstruk tersebut merangkumi persepsi terhadap kefahaman ayat al-Quran, penghayatan ayat (tadabbur), refleksi diri dan pembentukan nilai, serta keberkesanan pendekatan 4T sebagai pendekatan pedagogi dalam pembelajaran al-Quran. Item-item soal selidik dirangka bagi memastikan kesesuaian kandungan dengan objektif kajian dan konteks pelajar bukan pengajian Islam di peringkat Asasi. Instrumen ini digunakan bagi tujuan penilaian deskriptif terhadap kecenderungan respons pelajar, dan bukan untuk pengukuran psikometrik formal. Sehubungan itu, analisis kebolehpercayaan secara statistik seperti Alpha Cronbach tidak menjadi fokus utama kajian ini, selaras dengan reka bentuk kajian yang bersifat eksploratori.

Data kajian dianalisis secara statistik deskriptif, melibatkan pengiraan kekerapan, peratusan dan nilai

min bagi setiap item dan konstruk kajian. Interpretasi nilai min adalah berdasarkan julat 1.00–2.33 (rendah), 2.34–3.66 (sederhana) dan 3.67–5.00 (tinggi) bagi menggambarkan tahap persepsi pelajar terhadap keberkesanan pendekatan 4T secara sistematik. Kajian ini tidak bertujuan menilai hubungan sebab-akibat atau menguji keberkesanan secara eksperimental, sebaliknya memfokuskan kepada penilaian deskriptif terhadap kecenderungan persepsi dan pengalaman pembelajaran pelajar. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan umum persepsi pelajar terhadap keberkesanan pendekatan 4T, serta implikasinya terhadap kefahaman ayat al-Quran, proses tadabbur, refleksi diri dan pembentukan nilai pelajar bukan pengajian Islam. Pengumpulan data dilaksanakan secara dalam talian menggunakan platform *Google Form* selepas pelajar selesai melaksanakan tugas analisis ayat al-Quran. Penyertaan responden adalah secara sukarela dan semua maklum balas yang diperoleh dikendalikan secara sulit serta digunakan untuk tujuan penyelidikan akademik sahaja.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Demografi responden

Hasil analisis demografi responden adalah seperti berikut:

Jadual 1: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Lelaki	74	32
Perempuan	156	68
Jumlah	230	100

Jadual 2: Taburan responden mengikut program pengajian

Program	Kekerapan	Peratusan (%)
Asasi Sains	166	72.2
Asasi Kejuruteraan	37	16.1
Asasi TESL	27	11.7
Jumlah	230	100

Jadual 3: Latar belakang pengajian al-Quran responden

Item	Soalan	Ya	Tidak
B1	Pernahkah anda mempelajari al-Quran secara formal sebelum ini?	190 (82.6%)	40 (17.4%)
B2	Pernahkah anda mengikuti sebarang kelas, kursus atau pengajian berkaitan tadabbur al-Quran sebelum mengikuti kursus CTU?	147 (63.9%)	83 (36.1%)

Kajian ini melibatkan 230 orang responden yang terdiri daripada pelajar Pusat Asasi UiTM yang mengikuti kursus umum (CTU). Dari segi jantina, responden kajian terdiri daripada 156 orang pelajar perempuan (68%) dan 74 orang pelajar lelaki (32%). Majoriti responden adalah daripada Program Asasi Sains, iaitu seramai 166 orang (72.2%), diikuti oleh Asasi Kejuruteraan seramai 37 orang (16.1%) dan Asasi TESL seramai 27 orang (11.7%). Dari sudut latar belakang pengajian al-Quran, sebahagian besar responden (82.6%) pernah mempelajari al-Quran secara formal sebelum mengikuti kursus umum (CTU), manakala 17.4% tidak mempunyai pengalaman pembelajaran formal dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun, pendedahan terhadap amalan tadabbur al-Quran adalah tidak seragam, apabila hanya 63.9% responden pernah mengikuti kelas atau kursus berkaitan tadabbur sebelum ini, manakala 36.1% tidak pernah terlibat dengan pengajian tadabbur al-Quran. Corak demografi ini menunjukkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman pembelajaran al-Quran dalam kalangan pelajar, sekali gus menyokong keperluan kepada pendekatan pedagogi yang fleksibel dan kontekstual melalui pelaksanaan pendekatan 4T.

4.2 Persepsi pelajar terhadap kefahaman ayat al-Quran

Berikut merupakan hasil dapatan bagi konstruk persepsi pelajar terhadap kefahaman ayat al-Quran setelah menggunakan pendekatan 4T:

Jadual 4: Persepsi terhadap kefahaman ayat

Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam

Item	Soalan	Kekerapan & Peratusan (%)					
		SS (5)	S (4)	N (3)	TS (2)	STS (1)	Min
C1	Pendekatan 4T membantu saya memahami maksud ayat al-Quran yang dianalisis dengan lebih jelas.	165 71.7%	62 27.0%	3 1.3%	0 0%	0 0%	4.70
C2	Aktiviti terjemahan ayat memudahkan saya memahami mesej umum ayat al-Quran secara asas.	168 73.8%	59 25.7%	3 1.3%	0 0%	0 0%	4.73
C3	Elemen tafsir membantu saya memahami konteks ayat al-Quran secara tepat dan jelas.	169 73.5%	58 25.2%	3 1.3%	0 0%	0 0%	4.72
C4	Kefahaman saya terhadap ayat al-Quran meningkat selepas melaksanakan tugas ini.	164 71.3%	64 27.7%	2 0.9%	0 0%	0 0%	4.70

Nota: SS: Sangat Setuju, S: Setuju, N: Neutral, TS: Tidak Setuju, STS: Sangat Tidak Setuju

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap peningkatan kefahaman ayat al-Quran melalui pendekatan 4T. Sebanyak 71.7% responden sangat setuju dan 27.0% setuju bahawa pendekatan 4T membantu mereka memahami maksud ayat al-Quran dengan lebih jelas (Item C1, min = 4.70, tahap tinggi). Begitu juga, 73.8% sangat setuju dan 25.7% setuju bahawa aktiviti terjemahan ayat al-Quran memudahkan mereka memahami mesej umum ayat secara asas (C2, min = 4.73, tahap tinggi). Komponen tafsir turut diakui berkesan, di mana 73.5% responden sangat setuju dan 25.2% setuju bahawa elemen tafsir membantu mereka memahami konteks ayat dengan tepat dan jelas (C3, min = 4.72, tahap tinggi). Secara keseluruhan, tahap kefahaman pelajar terhadap ayat al-Quran didapati meningkat selepas melaksanakan pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat, dibuktikan dengan 99% responden menyatakan persetujuan (71.3% sangat setuju dan 27.7% setuju) bahawa pemahaman mereka terhadap ayat al-Quran bertambah baik selepas tugas ini (C4, min = 4.70, tahap tinggi). Kesemua item dalam konstruk ini mencatatkan min melebihi 4.70 yang berada pada tahap tinggi, ia menunjukkan majoriti pelajar (>98%) bersetuju bahawa elemen terjemahan dan tafsir dalam pendekatan 4T berkesan meningkatkan kefahaman mereka terhadap ayat al-Quran.

Dapatan ini selari dengan keperluan memastikan al-Quran difahami maknanya dan bukan sekadar dibaca. Menurut Sakinah Abdul Mokti dan Mohd Nizam Sahad (2024), matlamat sebenar al-Quran hanya dapat dicapai apabila isi kandungannya dibaca, difahami, ditadabbur dan diamalkan, bukan sekadar dilagukan atau dihafaz semata-mata. Mereka mempersoalkan sejauh mana ayat al-Quran yang dihafaz difahami dan ditadabbur dengan baik dalam kalangan pelajar. Oleh itu, penekanan kepada kefahaman makna ayat seperti dalam kaedah 4T amat penting. Khususnya, komponen terjemahan dan tafsir didapati membantu pemahaman responden, perkara ini menyokong pandangan Abdullah et al. (2023) bahawa pelajar perlu dibekalkan terjemahan dalam bahasa yang difahami (bahasa ibunda) untuk mencerna maksud ayat dengan mudah. Justeru, dengan mengintegrasikan tilawah, terjemahan dan tafsir, kaedah 4T telah memenuhi keperluan pelajar bagi memahami mesej al-Quran dengan jelas dalam konteks yang tepat. Dapatan ini konsisten dengan penegasan Sakinah Abdul Mokti dan Mohd Nizam Sahad (2024) bahawa pemahaman ayat-ayat al-Quran yang sebenar perlu diberi perhatian agar ilmu al-Quran itu dapat dihayati sepenuhnya. Secara ringkasnya, persepsi pelajar menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi hasil pendekatan 4T, mengukuhkan lagi keberkesanan pendekatan ini dalam membantu pelajar bukan pengkhususan Pengajian Islam memahami kandungan al-Quran.

4.3 Persepsi pelajar terhadap penghayatan ayat (tadabbur)

Hasil dapatan bagi konstruk persepsi pelajar terhadap penghayatan ayat dengan menggunakan pendekatan 4T adalah seperti berikut:

Ja

dual 5: Persepsi terhadap penghayatan ayat

Item	Soalan	Kekerapan & Peratusan (%)					
		SS (5)	S (4)	N (3)	TS (2)	STS (1)	Min
D1	Pendekatan 4T mendorong saya untuk berfikir secara mendalam terhadap ayat al-Quran.	163 70.9%	64 27.8%	3 1.3%	0 0%	0 0%	4.70
D2	Tugasan ini membantu saya menyedari nilai-nilai murni yang terkandung dalam ayat al-Quran.	172 74.8%	55 23.9%	3 1.3%	0 0%	0 0%	4.73
D3	Ayat al-Quran yang dianalisis mempunyai kaitan dengan kehidupan saya.	160 69.6%	57 24.8%	13 5.6%	0 0%	0 0%	4.64
D4	Aktiviti tadabbur meningkatkan penghayatan saya terhadap mesej ayat al-Quran.	176 76.5%	51 22.2%	3 1.3%	0 0%	0 0%	4.75

Nota: SS: Sangat Setuju, S: Setuju, N: Neutral, TS: Tidak Setuju, STS: Sangat Tidak Setuju

Pendekatan 4T juga memberi impak besar terhadap penghayatan ayat al-Quran melalui aktiviti tadabbur. Kebanyakan pelajar menyatakan bahawa kaedah ini mendorong mereka menghayati dan memikirkan maksud ayat dengan lebih mendalam. 70.9% responden sangat setuju dan 27.8% setuju bahawa kaedah 4T mendorong mereka berfikir secara mendalam tentang ayat al-Quran yang dikaji (D1, min = 4.70, tahap tinggi). Di samping itu, 74.8% sangat setuju dan 23.9% setuju bahawa tugasan 4T membantu mereka menyedari nilai-nilai murni yang terkandung dalam ayat kajian (D2, min = 4.73, tahap tinggi). Ini bermakna sebahagian besar pelajar dapat mengenal pasti pengajaran dan hikmah daripada ayat yang dianalisis. Seterusnya, 69.6% responden sangat setuju dan 24.8% setuju bahawa ayat al-Quran yang dianalisis mempunyai kaitan dengan kehidupan peribadi mereka (D3), manakala 5.6% memberikan respon neutral dan tiada yang tidak bersetuju (min = 4.64, tahap tinggi). Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar dapat mengaitkan mesej ayat al-Quran dengan situasi kehidupan sebenar, hasil daripada tadabbur yang dilakukan. Akhir sekali, komponen tadabbur ternyata paling memberi kesan apabila 76.5% sangat setuju dan 22.2% setuju bahawa aktiviti tadabbur melalui kaedah 4T meningkatkan penghayatan mereka terhadap mesej ayat al-Quran (D4, min = 4.75, tahap tinggi). Keseluruhannya, konstruk penghayatan dan tadabbur mencatat purata min sekitar 4.70 iaitu tahap tinggi, mengesahkan bahawa kaedah 4T berjaya memperdalam penghayatan pelajar terhadap mesej al-Quran.

Dapatan ini bertepatan dengan konsep tadabbur dalam tradisi Islam. Tadabbur al-Quran bererti merenung dan memikirkan al-Quran secara mendalam, dengan tujuan untuk mengambil iktibar dan pencerahan (Mohammad Syafiq, 2022). Haromain dan Hakim (2024) menjelaskan bahawa refleksi kerohanian mendalam merupakan aspek penting dalam memahami ajaran al-Quran. Melalui kaedah 4T, pelajar didorong mentadaburi ayat al-Quran secara sistematik, sekali gus memenuhi tujuan tersebut. Tadabbur bermaksud merenung makna al-Quran dengan tujuan mengambil iktibar dan pedoman daripadanya. Ini dapat dilihat apabila pelajar menyatakan mereka menemui nilai-nilai murni dan pengajaran untuk diri hasil daripada proses tadabbur. Kajian Agussari Henny et al. (2024) turut menjelaskan definisi ulama bahawa tadabbur melibatkan merenungi ayat al-Quran bagi mengambil nasihat dan pengajaran, serta menggali penjelasan lanjut dari ayat tersebut. Oleh itu, tidak hairanlah para pelajar dalam kajian ini dapat mengaitkan mesej ayat dengan diri dan kehidupan mereka. Malah, Sakinah Abdul Mokti dan Mohd Nizam Sahad (2024) mendapati pelajar aliran tahfiz sendiri mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap kepentingan konsep tadabbur dalam pengajian al-Quran terutamanya dalam aktiviti hafazan al-Quran. Ini menunjukkan kesedaran tentang kepentingan tadabbur semakin meluas dalam kalangan pelajar, sama ada yang berlatarbelakangkan pengajian Islam atau tidak. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengukuhkan bahawa aktiviti tadabbur dalam pendekatan 4T berjaya meningkatkan penghayatan pelajar terhadap ayat al-Quran, sejajar dengan tujuan tadabbur yang digariskan dalam literatur.

4.4 Refleksi diri dan pembentukan nilai

Jadual 6 menunjukkan dapatan kajian berkaitan refleksi diri dan pembentukan nilai pelajar setelah menggunakan pendekatan 4T dalam tugasan analisis ayat al-Quran:

Jadual 6: Refleksi diri dan pembentukan nilai

Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam

Item	Soalan	Kekerapan & Peratusan (%)					
		SS (5)	S (4)	N (3)	TS (2)	STS (1)	Min
E1	Tugas ini mendorong saya untuk membuat refleksi diri.	167 72.6%	60 26.1%	3 1.3%	0 0%	0 0%	4.71
E2	Saya dapat mengenal pasti pengajaran daripada ayat al-Quran yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.	167 72.6%	59 25.7%	4 1.7%	0 0%	0 0%	4.71
E3	Tugas ini membantu saya menilai semula sikap atau amalan diri.	166 72.2%	61 26.5%	3 1.3%	0 0%	0 0%	4.71
E4	Saya berasa terdorong untuk memperbaiki diri selepas menganalisis ayat al-Quran.	171 74.3%	54 23.5%	5 2.2%	0 0%	0 0%	4.72

Nota: SS: Sangat Setuju, S: Setuju, N: Neutral, TS: Tidak Setuju, STS: Sangat Tidak Setuju

Konstruk seterusnya menilai aspek refleksi diri dan pembentukan nilai dalam kalangan pelajar hasil daripada tugas analisis ayat menggunakan kaedah 4T. Menurut dapatan, kaedah 4T berkesan mendorong pelajar melakukan muhasabah diri dan memperbaiki amalan. 72.6% responden sangat setuju dan 26.1% setuju bahawa tugas ini telah mendorong mereka membuat refleksi diri (E1, min = 4.71, tahap tinggi). Ini bermakna hampir semua pelajar (98.7%) terdorong untuk menilai diri sendiri selepas menganalisis ayat al-Quran. Seterusnya, 72.6% sangat setuju dan 25.7% setuju bahawa mereka dapat mengenal pasti pengajaran daripada ayat al-Quran yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian (E2, min = 4.71, tahap tinggi). Dapatan ini menunjukkan pelajar bukan sahaja memahami isi ayat, malah mampu menghubungkaitkan ayat tersebut dengan amalan dan nilai dalam kehidupan sebenar. Di samping itu, 72.2% responden sangat setuju dan 26.5% setuju bahawa tugas 4T membantu mereka menilai semula sikap atau amalan diri (E3, min = 4.71, tahap tinggi). Ini selaras dengan matlamat muhasabah dalam pendidikan, di mana pelajar meninjau kembali kelemahan diri berasaskan petunjuk al-Quran. Akhir sekali, 74.3% sangat setuju dan 23.5% setuju bahawa mereka berasa terdorong untuk memperbaiki diri selepas menganalisis ayat al-Quran (E4, min = 4.72, tahap tinggi). Hanya 2.2% yang bersikap neutral dan tiada yang tidak bersetuju bagi item ini, ia menggambarkan kesan positif tadabbur terhadap motivasi perubahan diri. Secara keseluruhan, hampir kesemua responden (lebih 98%) mengakui wujudnya kesan refleksi diri dan pembentukan nilai hasil pelaksanaan kaedah 4T, dengan skor min setiap item sekitar 4.71 (tahap tinggi). Jelas sekali, pendekatan 4T bukan sahaja meningkatkan pemahaman kognitif, malah berjaya menyentuh aspek afektif pelajar dengan mencetuskan kesedaran rohani dan keinginan untuk menjadi individu yang lebih baik.

Dapatan ini menekankan peranan al-Quran dalam proses pembentukan peribadi dan akhlak. Menurut Najati (2004, seperti dalam Agussari Henny et al., 2024), al-Quran diturunkan untuk mentransformasi pemikiran, kebiasaan dan tingkah laku manusia ke arah kebaikan serta membimbing mereka kepada nilai moral yang luhur. Hal ini selari dengan pengalaman pelajar dalam kajian ini yang merasakan perubahan positif pada diri selepas mendalami ayat al-Quran. Proses tadabbur yang dilalui pelajar berfungsi sebagai medium introspeksi diri. Perkara ini juga selari dengan dapatan kajian ini di mana pelajar menyatakan kesediaan untuk memperbaiki sikap dan amalan diri selepas melakukan tadabbur ayat. Selain itu, dapatan ini menguatkan hujah Sakinah Abdul Mokti dan Mohd Nizam Sahad (2024) bahawa pemahaman dan tadabbur ayat-ayat al-Quran sangat penting bagi melahirkan individu Muslim yang mampu mempraktikkan ilmu tersebut sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Quran. Hal ini bermakna, pengajaran al-Quran tidak memadai setakat pengetahuan, tetapi perlu diterjemahkan dalam pembentukan jati diri dan akhlak. Melalui kaedah 4T, pelajar didapati berjaya menghubungkan ilmu dengan amalan mereka, bukan sakadar memahami ayat, tetapi menilai diri dan berazam mengamalkan pengajaran ayat dalam kehidupan sebenar. Dapatan ini membuktikan potensi kaedah 4T sebagai wahana pendidikan yang holistik, merangkumi aspek kognitif (pemahaman), afektif (penghayatan dan nilai) serta membentuk tindakan susulan untuk memperbaiki diri.

4.5 Keberkesanan kaedah 4T sebagai pendekatan pedagogi

Hasil analisis bagi konstruk keberkesanan kaedah 4T sebagai pendekatan pedagogi dalam pembelajaran al-Quran adalah seperti berikut:

Jadual 7: Keberkesanan kaedah 4T sebagai pendekatan pedagogi

Item	Soalan	Kekerapan & Peratusan (%)					Min
		SS (5)	S (4)	N (3)	TS (2)	STS (1)	
F1	Kaedah 4T sesuai digunakan untuk pelajar bukan pengajian Islam.	113 49.1%	76 33.0%	40 17.4%	1 0.4%	0 0%	4.31
F2	Susunan tilawah, terjemahan, tafsir dan tadabbur memudahkan proses pembelajaran saya.	159 69.0%	29 29.0%	4 2.0%	0 0%	0 0%	4.67
F3	Saya mencadangkan kaedah 4T diteruskan dalam pengajaran kursus CTU.	167 73.0%	51 22.0%	12 5.0%	0 0%	0 0%	4.68

Nota: SS: Sangat Setuju, S: Setuju, N: Neutral, TS: Tidak Setuju, STS: Sangat Tidak Setuju

Secara umumnya, responden menilai kaedah 4T sebagai satu pendekatan pedagogi yang berkesan dan sesuai, terutamanya bagi pelajar bukan pengajian Islam dalam kursus umum CTU di UiTM. 49.1% pelajar sangat bersetuju dan 33.0% bersetuju bahawa kaedah 4T sesuai digunakan untuk pelajar bukan pengkhususan Pengajian Islam, manakala 17.4% memilih neutral dan hanya 0.4% tidak bersetuju (F1, min = 4.31, tahap tinggi). Walaupun terdapat segelintir yang berkecuali atau kurang pasti, majoriti jelas menunjukkan pandangan positif terhadap kesesuaian pendekatan ini untuk golongan mereka. Seterusnya, hampir semua responden mengakui struktur 4T adalah teratur dan membantu proses pembelajaran mereka. 69.0% sangat setuju dan 29.0% setuju bahawa susunan aktiviti tilawah → terjemahan → tafsir → tadabbur memudahkan mereka mempelajari dan memahami ayat al-Quran dengan sistematik (F2, min = 4.67, tahap tinggi). Hanya 2% yang neutral dan tiada yang tidak bersetuju bagi aspek ini, menandakan penerimaan yang sangat tinggi (98% persetujuan) terhadap reka bentuk langkah demi langkah kaedah 4T. Akhir sekali, tahap kepuasan pelajar terhadap kaedah 4T tergambar pada cadangan untuk meneruskan penggunaannya: 73.0% responden sangat setuju dan 22.0% setuju bahawa kaedah 4T wajar diteruskan dalam pengajaran kursus umum (CTU) pada masa akan datang (F3, min = 4.68, tahap tinggi). Hanya 5% yang neutral dan tiada yang menolak cadangan ini. 95% pelajar menyokong agar kaedah 4T dikekalkan dalam kurikulum, mencerminkan keyakinan mereka terhadap keberkesanan dan manfaat pendekatan ini. Secara kolektif, konstruk keberkesanan pedagogi mencatat tahap persetujuan yang tinggi (min antara 4.31 – 4.68), ia memperlihatkan kesesuaian, kebolegunaan dan impak positif kaedah 4T dalam konteks pembelajaran al-Quran bagi pelajar bukan pengajian Islam.

Dapatan ini bertepatan dengan keperluan inovasi dalam pedagogi pembelajaran al-Quran masa kini. Daud dan Musa (2021) menekankan bahawa pendekatan pembelajaran al-Quran perlu lebih interaktif dan efektif mengikut peredaran semasa untuk memenuhi tuntutan masyarakat serta menarik minat pelajar. Kaedah 4T yang menggabungkan aktiviti pembacaan, terjemahan, huraian tafsir dan refleksi tadabbur merupakan contoh pendekatan interaktif dan efektif yang dimaksudkan. Pelajar terlibat secara aktif dalam setiap peringkat pembelajaran iaitu daripada pembacaan ayat, memahami makna, mendalami konteks ayat sehinggalah menghubungkan kefahaman ayat dengan diri sendiri. Perkara ini konsisten dengan saranan pembaharuan pedagogi agar proses pembelajaran lebih bermakna dan holistik, bukan sekadar penyampaian fakta secara pasif. Selain itu, dapatan kajian ini membuktikan bahawa pendekatan 4T sesuai diaplikasikan dalam kursus umum seperti CTU yang melibatkan pelajar pelbagai latar belakang pengajian. Justeru itu, kaedah 4T berupaya menjadikan pembelajaran al-Quran relevan dan mudah diakses oleh pelajar sains, kejuruteraan, dan bidang-bidang lain dengan meningkatkan kualiti pemahaman dan penghayatan terhadap ayat al-Quran. Sokongan hampir kesemua responden untuk meneruskan kaedah ini menunjukkan keberkesanannya sebagai pedagogi yang disesuaikan dan diyakini. Oleh itu, pendekatan 4T ini dapat dianggap sebagai satu amalan terbaik (*best practice*) dalam pengajaran al-Quran untuk bidang bukan pengajian Islam, selari dengan trend semasa yang menuntut kaedah pengajaran kreatif dan berimpak tinggi.

Secara keseluruhan, dapatan kajian mengesahkan bahawa pendekatan 4T memberi impak positif yang menyeluruh iaitu dengan meningkatkan kefahaman terhadap ayat al-Quran, memperkukuh tadabbur dan penghayatan, memupuk refleksi diri dan pembentukan nilai serta diterima baik sebagai kaedah pembelajaran. Kesemua konstruk yang diukur berada pada tahap tinggi, menandakan keberkesanan intervensi kaedah 4T dalam mencapai objektif pembelajaran afektif dan kognitif secara serentak.

Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam

5.0 PERBINCANGAN

Perbincangan ini meneliti dapatan kajian berkaitan keberkesanan pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran dengan mengaitkannya kepada sorotan kajian dan literatur terdahulu, khususnya dalam konteks pedagogi al-Quran bagi pelajar bukan pengajian Islam. Secara umum, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan 4T memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan kefahaman, penghayatan (tadabbur), refleksi diri, pembentukan nilai serta penerimaan pedagogi dalam kalangan pelajar, dengan kesemua konstruk mencatatkan tahap tinggi.

5.1 Pendekatan 4T dan peningkatan kefahaman ayat al-Quran

Dapatan kajian yang menunjukkan tahap kefahaman ayat al-Quran yang tinggi menyokong hujah bahawa kefahaman makna tidak boleh dipisahkan daripada struktur pedagogi yang berperingkat dan sistematik. Integrasi elemen tilawah, terjemahan dan tafsir dalam pendekatan 4T membantu pelajar memahami mesej umum dan konteks ayat secara lebih jelas dan tepat, terutamanya bagi pelajar yang tidak mempunyai latar belakang pengajian bahasa Arab atau tafsir. Hal ini selari dengan dapatan kajian keperluan pelajar yang menekankan bahawa terjemahan dalam bahasa ibunda dan huraian kontekstual amat penting untuk membantu pelajar memahami maksud ayat al-Quran dengan tepat (Abdullah et al., 2023; Ahmad Yusoff et al., 2025).

Literatur turut menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran yang hanya menekankan bacaan dan hafazan tanpa kefahaman makna berisiko melahirkan pelajar yang celik bacaan tetapi lemah dalam memahami isi kandungan wahyu (Sakinah Abdul Mokti & Mohd Nizam Sahad, 2024). Justeru, dapatan kajian ini mengukuhkan keperluan kepada pendekatan pedagogi yang mengutamakan kefahaman sebagai asas kepada penghayatan al-Quran, sejajar dengan tuntutan al-Quran agar ayat-ayatnya ditadabburi dan difahami, bukan sekadar dibaca.

5.2 Pendekatan 4T sebagai pemudah cara tadabbur ayat al-Quran

Tahap penghayatan dan tadabbur yang tinggi dalam dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan 4T berfungsi sebagai pemudah cara yang efektif kepada amalan tadabbur dalam konteks pendidikan formal. Elemen tadabbur yang dilaksanakan selepas proses tilawah, terjemahan dan tafsir membolehkan pelajar melakukan renungan secara lebih terarah dan bermakna. Dapatan ini sejajar dengan pandangan bahawa tadabbur merupakan proses reflektif yang memerlukan kefahaman awal terhadap makna dan konteks ayat sebelum renungan mendalam dapat berlaku (Aulia, 2024; Ruslan et al., 2022).

Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa pelajar sering menghadapi kesukaran untuk mentadabbur ayat al-Quran secara spontan tanpa bimbingan pedagogi yang jelas, terutamanya dalam kalangan pelajar bukan aliran agama (Zakaria et al., 2024). Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan 4T berjaya menangani kekangan tersebut dengan menyediakan kerangka pembelajaran yang berperingkat, sekali gus menjadikan tadabbur satu aktiviti yang praktikal dan boleh dilaksanakan dalam tugas akademik. Pendekatan ini juga selari dengan model-model tadabbur kontemporari yang menekankan keperluan struktur, konteks dan refleksi dalam memahami al-Quran (Zakaria et al., 2022).

5.3 Refleksi diri dan pembentukan nilai melalui pendekatan 4T

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pendekatan 4T memberi kesan yang ketara terhadap refleksi diri dan pembentukan nilai pelajar. Majoriti pelajar melaporkan bahawa tugas analisis ayat mendorong mereka menilai semula sikap, amalan dan nilai diri, serta berasa terdorong untuk memperbaiki diri. Perkara ini menunjukkan bahawa tadabbur al-Quran bukan sekadar aktiviti kognitif, tetapi berfungsi sebagai mekanisme pendidikan afektif yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar.

Dapatan ini menyokong pandangan bahawa al-Quran berperanan sebagai sumber pembinaan akhlak dan transformasi diri, selaras dengan matlamat pendidikan Islam yang holistik (Agussari Henny et al., 2024). Kajian terdahulu juga mendapati bahawa penghayatan al-Quran melalui tadabbur mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan keperibadian, kesedaran spiritual dan nilai moral dalam kalangan pelajar (Mohd Shukri et al., 2024; Sakinah Abdul Mokti dan Mohd Nizam Sahad, 2024). Oleh itu, dapatan kajian ini mengukuhkan hujah bahawa tugas analisis ayat berasaskan pendekatan 4T berpotensi menjadi medium berkesan dalam penerapan nilai dan pembentukan jati diri pelajar, khususnya dalam kursus umum (CTU) yang

melibatkan pelajar daripada pelbagai latar belakang akademik.

5.4 Keberkesanan pendekatan 4T sebagai pedagogi inklusif

Walaupun dapatan kajian menunjukkan penerimaan yang tinggi terhadap keberkesanan pedagogi pendekatan 4T, nilai min yang sedikit lebih rendah bagi item kesesuaian kaedah ini untuk pelajar bukan pengajian Islam mencerminkan keperluan kepada penyesuaian pedagogi yang berterusan. Dapatan ini selari dengan realiti pembelajaran al-Quran dalam kalangan pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan, pengalaman dan motivasi yang berbeza-beza, khususnya dalam konteks pendidikan tinggi yang bersifat multidisiplin. Literatur menegaskan bahawa pedagogi al-Quran yang berkesan perlu bersifat inklusif, fleksibel dan sensitif terhadap latar belakang pelajar agar proses pembelajaran dapat berlaku secara bermakna dan tidak bersifat eksklusif kepada pelajar berlatar pendidikan agama semata-mata (Mohamad Shokri & Salihan, 2023).

Dalam konteks yang lebih luas, kajian terhadap pengajian al-Quran dalam kalangan komuniti minoriti Muslim dan orang awam turut menunjukkan bahawa pendekatan berperingkat yang menggabungkan bacaan asas, penjelasan makna dan elemen tadabbur membantu meningkatkan kefahaman dan penghayatan peserta secara signifikan (Mohd Akib & Muhamad Alihanafiah, 2025; Amir, 2022). Dapatan ini menyokong hujah bahawa pelajar bukan pengajian Islam memerlukan pendekatan pedagogi yang terancang dan berfasa bagi membina kefahaman ayat al-Quran secara beransur-ansur, sebelum mampu terlibat secara aktif dalam proses refleksi dan tadabbur.

Selain itu, kajian-kajian terdahulu dalam konteks pengajian tahfiz dan pengajian al-Quran separuh masa mendapati bahawa pendekatan pengajaran yang terlalu menumpukan hafazan atau bacaan tanpa sokongan kefahaman dan refleksi sering menimbulkan kekangan terhadap penghayatan makna ayat al-Quran (Daud & Musa, 2021). Oleh itu, pendekatan 4T yang menekankan susunan tilawah, terjemahan, tafsir dan tadabbur secara berperingkat dapat dilihat sebagai satu usaha pembaharuan pedagogi bagi menangani kelemahan pendekatan konvensional dengan menekankan pembelajaran bermakna dan berorientasikan pemahaman.

Selain itu, elemen tadabbur dalam kaedah ini selari dengan teori pembelajaran reflektif (*reflective learning*). Pembelajaran reflektif merupakan model belajar yang mengutamakan proses berfikir atas dasar refleksi diri, pengalaman masa lalu, dan harapan masa depan (Muhammad Rais & Farida Aryani, 2019). Menurut Ahmad Fakhurrizi et al. (2020) pembelajaran reflektif sebegini adalah lebih berpusat kepada pelajar berbanding kaedah biasa yang berpusat kepada guru. Tujuan pengajaran reflektif adalah untuk membangkitkan nilai dalam membentuk kemandirian dan swadaya pelajar. Secara tidak langsung, pembelajaran reflektif dapat menonjolkan peranan guru sebagai saluran untuk menerapkan nilai keinsanan dalam diri pelajar. Elemen tadabbur juga berperanan sebagai mekanisme penting dalam pembentukan modal insan Ulul Albab sebagaimana yang digariskan dalam al-Qur'an, yang menekankan keseimbangan antara zikir dan fikir (Ab Alim et al., 2025). Tadabbur al-Quran berkongsi ciri teras dengan konsep *reflective learning* dalam pendidikan moden, khususnya dalam aspek renungan kritikal, penghasilan makna dan refleksi sendiri. Namun, berbeza dengan *reflective learning* konvensional, tadabbur berakar kepada wahyu dan berorientasikan pembentukan iman dan akhlak. Secara pedagogi, tadabbur al-Quran boleh difahami sebagai satu bentuk *reflective learning* yang menekankan renungan bermakna, refleksi sendiri dan pembentukan nilai berasaskan wahyu.



Rajah 1: Tadabbur al-Quran sebagai Bentuk Pembelajaran Reflektif Berteraskan Wahyu

Sokongan majoriti pelajar terhadap kesinambungan kaedah 4T dalam pembelajaran al-Quran bagi kursus umum (CTU) menunjukkan bahawa pendekatan ini mempunyai potensi besar untuk diperkasakan sebagai amalan pedagogi terbaik (*best practice*). Pendekatan 4T bukan sahaja bersifat inklusif dari sudut akses pembelajaran, malah menyediakan ruang reflektif yang membolehkan pelajar mengaitkan mesej ayat al-Quran dengan diri dan kehidupan mereka. Hal ini selari dengan keperluan pembaharuan pedagogi al-Quran kontemporari yang menekankan pembelajaran aktif, reflektif dan berimpak tinggi, berbanding penyampaian kandungan secara pasif (Daud & Musa, 2021; Ahmad Yusoff et al., 2025).

Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam

5.5 Ringkasan pendekatan 4T dalam pengajian al-Quran

Rajah 2 memaparkan kerangka konseptual pendekatan 4T yang menunjukkan hubungan berperingkat antara kefahaman ayat, proses tadabbur dan refleksi diri pelajar, seterusnya menjelaskan implikasi pedagogi pendekatan ini dalam memahami mesej al-Quran.



Rajah 2: Kerangka Konseptual Pendekatan 4T dalam Membentuk Kefahaman, Tadabbur, Refleksi Diri dan Pembentukan Nilai Pelajar

6.0 IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini membawa beberapa implikasi penting terhadap amalan pedagogi pengajaran al-Quran di institusi pengajian tinggi, khususnya dalam konteks kursus umum (CTU) di UiTM yang melibatkan pelajar bukan pengajian Islam. Pertama, pendekatan 4T terbukti berkesan sebagai kerangka pedagogi berperingkat yang membantu pelajar memahami ayat al-Quran secara sistematik, bermula daripada bacaan sehingga kepada proses refleksi diri. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran tidak seharusnya terhad kepada aspek bacaan dan hafazan, sebaliknya perlu disokong dengan strategi pedagogi yang menekankan kefahaman makna dan konteks ayat, selaras dengan saranan kajian-kajian terdahulu berkaitan pembaharuan pedagogi al-Quran (Mohamad Shokri & Salihan, 2023; Daud & Musa, 2021).

Kedua, dapatan berkaitan tadabbur dan refleksi diri menunjukkan bahawa tugas analisis ayat berasaskan pendekatan 4T berpotensi menjadi medium penerapan nilai dan pembentukan sahsiah pelajar. Implikasi ini penting kerana ia menyokong matlamat pendidikan Islam yang bersifat holistik, merangkumi aspek kognitif, afektif dan rohani. Oleh itu, pensyarah CTU boleh memanfaatkan pendekatan ini sebagai satu amalan pedagogi yang bukan sahaja menyampaikan kandungan, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan keperibadian dan kesedaran sendiri pelajar.

Ketiga, dari sudut pelaksanaan, nilai min yang sedikit lebih rendah bagi kesesuaian pendekatan 4T untuk pelajar bukan pengajian Islam menunjukkan keperluan kepada penyesuaian tahap bimbingan, bahasa dan contoh yang digunakan. Keberkesanan pendekatan 4T tidak terletak pada pelaksanaannya secara seragam, tetapi bergantung kepada keupayaan pensyarah menyesuaikan tahap, konteks pengajaran berdasarkan latar belakang akademik dan pengalaman pembelajaran al-Quran pelajar. Pendekatan 4T yang dilaksanakan secara inklusif dan berfasa bukan sahaja menyokong pelajar yang mempunyai asas sedia ada, malah membuka ruang pembelajaran al-Quran yang lebih mesra dan bermakna kepada pelajar bukan pengajian Islam yang datang daripada pelbagai latar belakang.

Keempat, elemen tadabbur dalam pendekatan 4T ini dapat menjadi model pembelajaran reflektif (*reflective learning*) berteraskan wahyu, yang mana matlamat pembelajarannya adalah pembentukan spiritual dan moral, bukan sekadar kognitif (kefahaman) serta berorientasikan hidayah dan iman.

7.0 KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran memberikan impak yang positif dan signifikan terhadap kefahaman, tadabbur, refleksi diri, pembentukan nilai dan persepsi pedagogi dalam kalangan pelajar bukan pengajian Islam di peringkat Asasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan berperingkat yang mengintegrasikan tilawah, terjemahan, tafsir dan tadabbur mampu

menjadikan pembelajaran al-Quran lebih bermakna, inklusif dan berorientasikan penghayatan nilai. Secara keseluruhan, pendekatan 4T berpotensi menjadi satu amalan pedagogi yang berkesan dalam kursus umum (CTU) dan menyumbang kepada usaha pembudayaan tadabbur al-Quran dalam pendidikan tinggi. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada perbincangan ilmiah berkaitan pedagogi al-Quran serta menjadi rujukan kepada pendidik dalam merangka pendekatan pengajaran al-Quran yang lebih kontekstual dan berimpak tinggi.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Tadabbur Centre kerana telah memperkenalkan kaedah tilawah, terjemahan, tafsir dan tadabbur dalam pengajian al-Quran (Syahmi Syazeril et al., 2024) kepada masyarakat, khususnya untuk masyarakat awam. Aplikasi pendekatan ini dalam pengajian al-Quran ternyata telah membuka jalan kepada masyarakat untuk memahami dan menghayati Kalamullah dengan lebih teratur dan berkesan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada para pelajar yang sudi menjadi responden bagi kajian ini.

RUJUKAN

- Ab Alim, N. N. A., Ab Alim, N. N. N., & Ab Rahman, N. A. @ N. A. . (2025). Kajian Eksploratori Terhadap Keberkesanan Karnival Sains dan Teknologi Islam dalam Memupuk Inovasi Berteraskan Islam: An Exploratory Study on the Effectiveness of Karnival Sains dan Teknologi Islam (Islamic Science and Technology Carnival) in Fostering Islamic-Based Innovation. *Jurnal Pengajian Islam*, 18(2), 93–106. <https://doi.org/10.53840/jpi.v18i2.365>
- Abdullah, N. A., Embong, R., & Yaacob, A. (2018). Pembinaan modul pemantapan sahsiah ulul albab bagi pelajar Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(1), 8–20. https://www.researchgate.net/publication/333967827_Pembinaan_Modul_Pemantapan_Sahsiah_Ulul_Albab_bagi_Pelajar_Islam
- Abdullah, N., Samsudin, S. ., Abd. Rahman, L., Zainal Arifin, A. N. ., & Hambali, M. A. . (2023). Analisis Keperluan Pelajar terhadap Penggunaan Teknologi dalam Memahami Terjemahan Kinayah Al-Quran kepada Bahasa Melayu: Analysis of Students' Needs Regarding the Use of Technology in Understanding the Translation of the Quranic Metonymy into the Malay Language . *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 10(2), 65–84. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v10i2.119>
- Agussari Henny, Patta Bundu, Hamsu Abdul Gani, & Anita Candra Dewi. (2024). Enhancing Religiosity: Tadabbur Al-Quran Tahfidz Model for English Learning in Vocational Schools. *Journal of World Englishes and Educational Practices* 6(1),14-34.<https://doi.org/10.32996/jweep.2024.6.1.2>
- Ahmad Fakhurrrazi Mohammed Zabidi, Mahfuzah Mohammed Zabidi, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Hamdi Ishak, Haziyah Hussin, & Wan Qashishah Akmal Wan Razali. (2020). Reflective Teaching Based On The Value Of 'Al-Suhbah'. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*. <https://ejournal.ukm.my/ajtlhe/issue/view/1353>
- Ahmad Yusoff, . N. F., Abas, U.-H., Jaffar, M. N., Md. Noor, M. L. A.-H., Mat Ali , A. A., Abdul Hanid, M. F., & Mohd Raus , N. (2025). Analisis keperluan model tadabbur Al-Quran melalui pendekatan kosa kata Arab berbantuan teknologi realiti terimbuh khusus untuk orang dewasa pekak Islam: [An analysis of the needs for the tadabbur Al-Quran model using vocabulary-based approach assisted by augmented reality technology for muslim deaf adults]. *Ulum Islamiyyah*, 37(01), 87–97. <https://doi.org/10.33102/uij.vol37no01.578>
- Amir, A.N. (2021). Kepentingan Pengajian Al-Quran dalam Membangunkan Peradaban: Kajian Kes dalam Kelas Pengajian Al-Quran, Tajwid & Bahasa Arab untuk Awam di Pusat Bahasa (CELPAD), UIAM. *Al-Bayan: Jurnal Ilmu al-Quran dan Hadist*, 5 (1), 1-11. <https://doi.org/10.35132/albayan.v5i1.167>
- Asy'ari, H. (2018). Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran. *Nidhomul Haq : Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 1(1), 21-28. <https://doi.org/10.31538/ndh.v1i1.5>

Pendekatan 4T dalam tugas analisis ayat al-Quran: Implikasi terhadap kefahaman, tadabbur dan refleksi diri pelajar bukan pengajian Islam

- Aulia, A.P., Nasution, A.F., & Pulungan, J. (2024). Implementasi Program Tadabbur Al Quran dalam Meningkatkan Pemahaman Isi Kandungan Al-Quran Siswa di SMP Muhammadiyah 1 Medan. *Al-Wasathiyah: Journal of Islamic Studies*. <https://doi.org/10.56672/alwasathiyah.v3i2.350>
- Azman, T., Nur Najibah Atiqah, A. A., Muhammad Shakirin Shaari @ Hj, A., Salina, I., & Ahmad Suki, C. M. A. (2023). Al-Quran Tadabbur Application For Self Learning. *Journal of Information System and Technology Management*, 8(32), 21–35. <https://doi.org/10.35631/JISTM.832002>
- Daud, Z.B., & Musa, M.A. (2021). Cabaran dan Kekangan dalam Pengajian Tahfiz Separuh Masa. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.90>
- Haromain, I., & Hakim, L. (2024). Tafakkur Spiritual dalam Perspektif Al Quran dengan Metode Tafsir Tematik. https://www.researchgate.net/publication/376951893_Tafakkur_Spiritual_dalam_Perspektif_Al_Quran_dengan_Metode_Tafsir_Tematik
- Fajar, A., & Abu, A. (2025). Metode Tilawah Dan Tadabbur Dalam Meningkatkan Pemahaman Alquran Di Kalangan Pelajar. *Al Basirah Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 5(1), 19–31. <https://doi.org/10.58326/jab.v5i1.296>
- Ismail, M. S. (2022). Tadabbur al-Quran Menurut Sidi Zarruq (w. 899H) Dalam *al-Nasihah al-Kafiyah*. *Al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah*, 7(1), 73–79. <https://doi.org/10.17576/turath-2022-0701-08>
- Mariam, M. H., Sahlawati, A. B., & Muhammad Syafee Salihin, H. (2025). Tadabbur sebagai transformasi pendidikan tahfiz: Analisis model tradisional dan moden dalam konteks pengajaran tahfiz di Sekolah Agama Radin Mas (SURM), Singapura. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 9(2), 89-101. <https://doi.org/10.53840/attarbowiy.v9i2.305>
- Mohamad Shokri, S. S., & Salihan, S. (2023). Modul pembangunan Program Huffaz Profesional Universiti Tenaga Nasional: Satu pemerhatian kepada konstruk pembangunan Al-Quran. *Firdaus Journal*, 3(2), 12-23. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.2.2.2023>
- Mohammad Syafiq, I. (2022). Tadabbur Al-Quran Menurut Sidi Zarruq (W.899h) Di Dalam Al-Nasihah Al-Kafiyah. *Al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah*. <https://journalarticle.ukm.my/19616/1/224-411-1-SM.pdf>
- Mohd Akib, A., & Muhamad Alihanafiah Norasid. (2025). Pendekatan Pengajian Al Qurān: Analisis Di Pusat Dakwah Jepun: The Approaches To Quranic Education: An Analysis Of Japan Da'wah Centre. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 5(1), 89-109. <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v5.254>
- Mohd Shukri, M. S., Mohd Ali, M. D., Mohd Rilizam, R., & Mohd Farhan, A. (2024). Kesan Amalan Bacaan Al-Quran Dalam Pembentukan Keperibadian Pelajar UiTM Pasir Gudang. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6, 210-220. <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.2.19>
- Muhammad Hizba Aulia, Syahidin, M Nur Faizin, & Muhamad Mauris Faruqi Ali. (2025). Qur'anic Tadabbur Models for Enhancing Students Character and Spiritual Awareness. *Islamic Review: Jurnal Riset Dan Kajian Keislaman*, 14(1), 133–156. <https://doi.org/10.35878/islamicreview.v14.i1.1497>
- Muhammad Rais & Farida Aryani. (2019). Pembelajaran Reflektif: Seni Berpikir Kritis, Analitis Dan Kreatif. <https://eprints.unm.ac.id/14783/1/Pembelajaran%20Reflektif.pdf>
- Rohana, Z., Hayati, H., & Nor Faezah, A. F. (2022). Penerapan Elemen Tadabbur Al Quran Di Kalangan Pelajar Tahfiz Darul Quran Jakim. In *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (Siri 3) 2022* (Pp. 1–7). Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (Fppi).

- Ruslan, R., Bunyamin, A., & Achruh, A. (2022). Pendidikan Spiritualisme dalam Perspektif Al-Quran. *Al Musannif*, 4(2), 101-118. <https://doi.org/10.56324/al-musannif.v4i2.72>
- Sakinah Abdul Mokti, & Mohd Nizam Sahad. (2024). Persepsi, Tahap Pengetahuan Dan Aplikasi Tadabbur Al-Quran: Satu Kajian Dalam Kalangan Pelajar Aliran Tahfiz. *International Journal Of Modern Education (IJMOE)*, 6(21). Retrieved from <https://gaexcellence.com/ijmoe/article/view/596>
- Syahmi Syazeril, A., Muhammad Syaari, A. R., Mohd. Azrul, A. H. (2024). *Agar Tadabburku Diredhai*. Tadabbur Centre Sdn. Bhd.
- Zakaria, R., Ishak, M. A. ., Syed Aziz, S. N. ., Yahaya, M. ., Hussin, H., & Saibon, S. T. (2024). Masalah dan Cabaran Tadabbur Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA): Problems and Challenges of Tadabbur Al-Quran among Ulul Albab Model Tahfiz Students (TMUA). *Jurnal Pengajian Islam*, 17(2), 102–112. <https://doi.org/10.53840/jpi.v17i2.355>
- Zakaria, Rohana., Hasan, M. S. S. ., & Yahaya, M. (2022). Analisis Perbandingan Metode Kitab Qawa'id al-Tadabbur 'Abd al-Rahman Habannakah dan Majalis al-Quran Farid al-Ansari. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 5(1), 37–44. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v5i1.40>
- Zuhairy, Z., & Zetty Nurzuliana, R. (2025). Analisis Jurang Dan Trend Kajian Lepas Terhadap Modul Tadabbur Al Quran Di Malaysia. *Proceeding of the 4rd FUAD's International Conference on Strengthening Islamic Studies (FICOSIS)*, 4, 341–358.